

Anwar bangkit isu tarif dalam perjumpaan bersama Rubio

BERITA HARIAN 17 JUL 2025

m/s: 3

Setiausaha Negara AS perjelas Malaysia masih ada tempoh sebulan runding

Oleh Farah Marshita Abdul Patah farahmarshitaq@bh.com.my

Kuala Lumpur: Malaysia membangkitkan isu tarif yang dikenakan oleh Presiden Donald Trump dalam pertemuan Datuk Seri Anwar Ibrahim dengan Setiausaha Negara Amerika Syarikat (AS), Marco Rubio, semalam.


Perdana Menteri berkata, Rubio menyatakan bahawa surat berkaitan kadar tarif berkenaan adalah surat cara umum dan Malaysia masih mempunyai tempoh sebulan untuk mengadakan rundingan dengan AS.

“Mereka tahu bahawa Malaysia adalah negara dagang utama AS di rantau ini dan akan berikan pertimbangan serta mengemukakan pandangan kita,” katanya ketika ditemui media selepas perjumpaan bersama Rubio, semalam.

Anwar berkata, perjumpaan bersama Rubio banyak tertumpu kepada ASEAN.

“AS masih menganggap hubungan dengan Malaysia penting dan mahu mengekalkan malah meningkatkan kerjasama bersama dengan ASEAN.

“AS juga memahami pendirian



Anwar berbual dengan Rubio (tiga dari kiri) dalam pertemuan di Putrajaya, semalam. Turut sama Menteri Perdagangan, Pelaburan dan Industri, Tengku Datuk Seri Zafrul Tengku Abdul Aziz. (Foto BERNAMA)

kita untuk berbaik dan berdagang dengan semua negara. Ini penting. Kerana banyak yang menganggap bahawa kita harus memilih. Tidak,” katanya.

Jamin kepentingan rakyat

Anwar menegaskan, walaupun AS adalah rakan dagang yang penting, hubungan dengan China, negara ASEAN dan negara lain akan dipertingkatkan untuk menjamin kepentingan rakyat

dan faedah kepada negara.

Dalam perbincangan itu Anwar berkata, beliau turut menyentuh mengenai Gaza dan menekankan bahawa pembantaian, kekejaman harus dihentikan.

“Rubio menyatakan bahawa maklumat terakhir ialah terdapat usaha keras dan beliau yakin akan ada gencatan senjata membolehkan bantuan kemanusiaan ke Palestin dan Gaza.

“Mengenai isu-isu lain mem-

babitkan perdamaian, saya tekankan bahawa kita di sini terkesan juga kalau ada pencerobahan dan gangguan,” katanya.

Terdahulu, Rubio bersama delegasi AS mendarat di Pangkalan Tentera Udara Diraja Malaysia di sini pada jam 7.39 pagi

Mereka disambut oleh Setiausaha Bahagian Tugas-Tugas Khas, Datuk Syed Mohamad Bakri Syed Abd Rahman; Duta Besar AS ke Malaysia, Edgard D

Kagan dan Kuasa Usaha di Misi AS ke ASEAN, Kate Rebholz.

Rubio tiba bagi menghadiri mesyuarat peringkat tinggi sempena Mesyuarat Menteri-Menteri Luar ASEAN Ke-58 dan mesyuarat berkaitan yang dianjurkan Malaysia di bawah Kepengerusan ASEAN 2025.

Ini juga adalah lawatan sulung Rubio ke Asia sebagai Setiausaha Negara selepas dilantik ke jawatan itu awal tahun ini.